

NO. SOALAN : 37

di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 28 menara telekomunikasi dan 29 struktur asas adalah di kawasan Baram.

Selain daripada itu, seperti yang telah diumumkan ketika pembentangan Bajet 2014 yang lepas, sebanyak 1,000 buah lagi menara telekomunikasi akan dibina secara berperingkat bermula tahun 2014 sehingga tahun 2016 di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak 400 menara telekomunikasi sedang dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap pada suku ketiga tahun 2015. Daripada itu, sebanyak 15 menara telekomunikasi adalah di kawasan Baram. Baki sebanyak 600 menara telekomunikasi masih dalam perancangan termasuk 8 menara telekomunikasi di kawasan Baram.